

Air pasang fenomena alam

JPS sentiasa pantau kawasan rendah berhampiran laut

TANJONG KARANG -

Fenomena air pasang laut pada musim hujan setiap hujung tahun sering menimbulkan rungutan kepada penduduk berikutan air parit melimpah dan sering menjadi punca banjir kilat di beberapa kawasan di daerah ini.

Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Tanjong Karang, Zurraidy Jalal berkata, pihaknya sedia maklum berhubung aduan penduduk yang tinggal di kawasan rendah berhampiran laut yang berisiko berdepan banjir kilat terutamanya ketika air pasang mati.

Menurutnya, jika berlaku air pasang mati, tempoh untuk surut mengambil masa dan ini menyebabkan ada segelintir rumah penduduk

berdepan banjir kilat berikutan kuantiti air di parit terlalu banyak sehingga melimpah ketika hujan lebat.

"Jika fenomena air pasang normal, secara teknikalnya penjaga kunci akan membuka pintu kunci sebanyak dua kali dalam sehari dan tempoh pembukaan hanya empat jam sahaja sebelum ditutup semula bagi mengelakkan air laut masuk ke dalam parit kampung.

"Jika keadaan kritikal, JPS akan cuba mengepam air keluar ke laut bagi mengurangkan jumlah kuantiti air yang boleh memberi kesan kepada penduduk," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* pada Program Korban Perdana JPS di Pejabat JPS Tanjong Karang, kelmarin.



ZURRAIDY

Bercakap mengenai program itu, Zurraidy yang juga Penasihat Kelab Sukan JPS Kuala Selangor/Tanjong Karang itu berkata, program korban julung kali diadakan di pejabatnya itu mendapat sambutan menggalakkan sehingga mereka terpaksa menolak permintaan kakitangan yang ingin menyumbang



Zurraidy (lima,kanan) bersama kakitangan JPS pada Program Korban Perdana JPS di Pejabat JPS Tanjong Karang, kelmarin.

bahagian pada saat-saat akhir.

"Memandangkan kami hanya menetapkan tiga lembu sahaja tahun ini, permintaan kakitangan yang ingin menyumbang pada saat-saat akhir terpaksa ditolak dan

memberi jaminan untuk diusulkan nama yang berminat pada program sama tahun depan.

"Kami menjalankan aktiviti ini secara bergotong-royong kerana pendekatan ini

bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan sesama kakitangan dan pegawai sedia ada, bahkan dapat memupuk semangat kerjasama dan menjimatkan kos.